

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

367/4

HKN 308/404 - Seminar dalam Kesusasteraan Nusantara II:  
Aspek-Aspek Pensejarahan

Masa: [ 3 jam ]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNG LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Ada beberapa ciri yang sepatutnya terpancar di dalam tulisan-tulisan tentang sejarah kesusasteraan. Bincangkan setiap satu daripada ciri-ciri berkaitan. Pada pandangan anda apakah ciri-ciri ini telah dipertimbangkan oleh sejarawan kesusasteraan Melayu?
2. Apakah yang anda fahamkan dengan filologi? Bincangkan dengan kritis tentang pendapat bahawa kelambatan kerja-kerja filologi Melayu menghambat kelahiran sebuah sejarah kesusasteraan Melayu yang sempurna.
3. Karya R.O. Winstedt, A History of Classical Malay Literature, telah beberapa lama menjadi rujukan utama dalam bidang kesusasteraan Melayu lama walaupun di dalamnya terdapat kelemahan-kelemahan dari sudut fakta dan pendekatan. Bincangkan.
4. Pengkajian tentang genre kesusasteraan Melayu lama akhir-akhir ini mendapat perhatian sarjana-sarjana tempatan. Sejauhmanakah pada fikiran anda perbincangan mereka bersifat kritis terhadap perbicaraan sebelumnya dan menyumbang kepada kefahaman kita terhadap permasalahan genre kesusasteraan Melayu keseluruhannya.
5. Tinjauan terhadap khazanah kesusasteraan Melayu tradisional menampilkkan pandangan dunia bersifat Islam yang merentasi keseluruhan pengaruh agama sebelum Islam. Dengan contoh-contoh yang jelas bincangkan kebenaran pernyataan di atas.
6. Pada dasarnya karya-karya Melayu tradisional adalah tanpa nama. Oleh yang demikian kelahiran tokoh-tokoh penulis merupakan satu pemecahan konvensi yang unik. Berdasarkan kepada perkembangan kesusasteraan Melayu lama bincangkan secara kritis terhadap fenomena baru ini.

7. Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi sering dijadikan sebagai batu tanda perbatasan zaman lama dan zaman baru dalam perkembangan kesusasteraan Melayu. Walau bagaimanapun hingga kini masih wujud perbincangan yang kontra mengenainya. Dengan hujahan yang jelas apakah rumusan anda terhadap perbincangan mengenai perbatasan zaman ini.
8. Angkatan penulis merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pembentukan satu-satu fasa baru dalam perkembangan kesusasteraan. Bincangkan tentang kewajaran kecenderungan ini di dalam konteks kesusasteraan Melayu dan Indonesia.

--oo000oo--